


# KAPAL SELAM COMELKU

Innovation Learning Centre





# BAHAN-BAHAN



- × Kotak minuman 1.5liter
- × Batang ais krim
- × Penutup botol mineral
- × Batang roll kertas dinding
- × Gam UHU
- × Gunting
- × Cawan plastik



# TECHNOLOGY

- × Menggunakan pelbagai media untuk menghasilkan ciptaan
- × Sebagai contoh : Kanak-kanak membina sebuah kapal selam yang comel dengan menggunakan sebuah kotak minuman terpakai





# CARA MEMBUAT



Adik Ashraf melukis dua bulatan dengan menepak penutup botol mineral pada dinding hadapan kotak minuman.



Adik Ashraf menggunting bulatannya tersebut (dengan bimbingan guru) untuk membentuk tingkap kapal selam.



Adik Ashraf melekatkan plastik lut sinar di bahagian belakang tingkap kapal selamnya.



Adik Fathia melekatkan secara bersilang (membentuk huruf 'X') dua batang aiskrim yang telah dipotong untuk membentuk kipas kapal selam dan melekatkannya pada hujung kotak minuman dengan menggunakan gam UHU.



Adik Fathia dan Nurfarizah melekatkan cawan plastik pakai buang pada dinding bahagian atas kapal selam dengan menggunakan gam UHU.



Adik Fathia dan Nurfarizah melekatkan penutup botol mineral dibelakang cawan plastik.



Adik Fathia melekatkan batang kertas dinding (yang telah dipotong terlebih dahulu oleh guru) untuk membentuk periskop kapal selam.



Adik Fathia melekatkan periskop tersebut di atas penutup botol mineral.



Adik Nurfarizah menghiaskan tingkap kapal selam dengan melekatkan pelekat berbentuk manik berwarna-warni.



# ***HASIL KERJA KANAK-KANAK***

